

# KENYATAAN AKHBAR

*untuk siaran segera*

## **BANK MUAMALAT BANTU EMPAT USAHAWAN CAPAI IMPIAN PEROLEH SIJIL HALAL JAKIM**

**KUALA LUMPUR**, 18 September 2024 – Impian empat orang usahawan untuk memiliki sijil Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) hari ini tercapai apabila masing-masing secara rasmi menerima sijil halal tersebut setelah mengikuti Program Pensijilan Halal Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat).

Dua daripada usahawan tersebut merupakan usahawan asnaf di bawah skim usahawan iTEKAD Bank Muamalat manakala dua lagi merupakan pelanggan Bank Muamalat yang menyertai Program Pensijilan Halal Bank Muamalat yang dikendalikan oleh Serunai Commerce Sdn Bhd (Serunai).

Keempat-empat usahawan itu menerima Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) Jakim dalam satu majlis penyerahan sijil yang diadakan di MITEC, di sini sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2024.

Serunai telah dilantik sebagai konsultan rasmi bagi Program Pensijilan Halal Bank Muamalat dalam usaha bersama kedua-dua entiti tersebut untuk membantu mengembangkan perniagaan usahawan B40 sekaligus melahirkan lebih ramai usahawan yang berdaya saing pada masa akan datang.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, Bank Muamalat komited mendukung hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia peneraju pasaran halal global menjelang 2025 dengan nilai eksport sebanyak RM63.1 billion.

“Melalui usaha ini, Bank Muamalat ingin membantu usahawan tempatan untuk menjadi penyumbang kepada nilai eksport tersebut apabila mereka mendapat sijil Halal Jakim sekaligus memudahkan produk mereka untuk dipasarkan ke luar negara.

“Bukan itu sahaja, dengan sijil Halal Jakim, usahawan-usahawan ini akan turut merencanakan lagi penawaran bidang pekerjaan apabila mereka dapat menyediakan lebih banyak peluang baharu selari dengan pertumbuhan perniagaan mereka,” katanya,

Tambah Khairul, sebagai institusi perbankan Islam penuh, pihaknya melihat sijil Halal Jakim sebagai satu keperluan untuk memelihara pengguna baik dari segi kesahihan halal dan kebersihan makanan.

“Beberapa minggu ini pelbagai pihak membincangkan berkenaan pemilikan sijil Halal oleh usahawan tempatan. Rata-rata usahawan ini bukan tidak mahu memohon sijil Halal, tetapi tidak tahu cara dan prosedur yang sepatutnya untuk memudahkan permohonan. Inilah nilai

tambah yang kami berikan apabila mereka menyertai Program Pensijilan Halal Bank Muamalat.

“Bank Muamalat menyasarkan 100 penyertaan usahawan dengan 30 peratus daripadanya mendapat sijil Halal Jakim, menjelang 2026. Selain sektor makanan dan minuman, kita akan turut meneroka sektor lain yang kita boleh bantu melalui program seperti ini,” katanya.

Bagi usahawan yang berminat untuk menyertai Program Pensijilan Halal Bank Muamalat, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Anda juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

## TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Syahida Azureen | [syahida.azureen@muamalat.com.my](mailto:syahida.azureen@muamalat.com.my) | +6012 242 3696

Mohd Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384

### Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.